

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

untuk

Akaun Bersama eDeposit Tetap (“Akaun Bersama eFD”)

- 1. Berapa orang pemegang akaun dibenarkan untuk Akaun Bersama eFD?**
Dua (2) orang pemegang akaun dibenarkan untuk Akaun Bersama eFD.
- 2. Adakah Akaun Bersama eFD terbuka untuk anak muda (berumur kurang daripada 18 tahun)?**
Kedua-dua pemegang Akaun Bersama eFD mesti berumur 18 tahun dan ke atas.
- 3. Ada apa syarat kelayakan untuk membuka Akaun Bersama eFD?**
Kedua-dua pemegang akaun mesti memegang Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i yang aktif, dalam nama yang sama and mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan. Kalau anda tiada Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i, anda boleh memohon untuk membuka akaun di mana-mana cawangan HLB.
- 4. Bolehkah saya memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD jika Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i saya melebihi 2 nama?**
Tidak, syarat kelayakan untuk Akaun Bersama eFD hanya terbuka untuk Akaun Semasa/i atau Simpanan/-i dengan 2 nama and mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan.
- 5. Bolehkah saya memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD jika Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i saya adalah dalam 2 nama tetapi dengan mandat pengendalian tandatangan bersama?**
Tidak, syarat kelayakan untuk membuka Akaun Bersama eFD adalah terbuka untuk Akaun Semasa/i atau Simpanan/-i yang aktif dengan mandat pengendalian salah seorang untuk tandatangan.
- 6. Adakah saya perlu ke cawangan bank untuk membuka Akaun Bersama eFD?**
Tidak, anda hanya perlu memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD melalui HLB Connect Online (laman web).
- 7. Saya tidak boleh memohon pembukaan Akaun Bersama eFD melalui aplikasi HLB Connect.**
Akaun Bersama eFD adalah tersedia melalui HLB Connect Online (laman web) buat masa sekarang.
- 8. Saya telah memohon untuk membuka Akaun Bersama eFD melalui HLB Connect Online (laman web). Bagaimana pemegang akaun yang lain diberitahu mengenai permohonan ini?**
HLB akan menghantar notifikasi permohonan anda melalui mesej in-app kepada pemegang akaun. Pemegang akaun hanya perlu bersetuju dan memberi kebenaran untuk pembukaan Akaun Bersama eFD melalui AppAuthorise dan dalam HLB Connect Online (laman web) dalam tempoh tujuh (7) hari berkerja selepas permohonan dibuat.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [SINI](#) untuk panduan langkah.

9. Mengapakah Akaun Bersama Semasa/-i atau Simpanan/-i tidak disenaraikan untuk pilihan?

Ini bermungkinan sebab anda tidak memegang Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i yang memenuhi syarat kelayakan yang dikenakan. Sila semak ringkasan akaun anda melalui HLB Connect.

10. Apa akan terjadi jika pemegang akaun yang lain tidak memberi persetujuan untuk membuka Akaun Bersama eFD?

Pelanggan diberi tujuh (7) hari bekerja untuk memberi persetujuan melalui AppAuthorise sebelum Akaun Bersama eFD dibuka. Jika permohonan anda tidak diberi persetujuan dalam tujuh (7) hari bekerja, permohonan tersebut akan luput dan anda perlu membuat permohonan baru.

11. Bolehkah saya menukar butiran Akaun Bersama eFD melalui HLB Connect atau di cawangan bank? yakni - menambah/mengurangkan nama , menukar mandat pengendalian?

Penukaran butiran Akaun Bersama eFD adalah tidak dibenarkan. Butiran akaun akan mengikut butiran semasa Akaun Bersama eFD dibuka.

12. Bolehkah saya meminda dana dari akaun persendirian (nama tunggal) saya untuk peletakan Akaun Bersama eFD?

Ya, anda boleh meminda dana dari akaun persendirian (nama tunggal) anda untuk peletakan Akaun Bersama eFD selepas pembukaan Akaun Bersama eFD.

13. Bolehkah saya memilih akaun persendirian (nama tunggal) Semasa/-i atau Simpanan/-i untuk tujuan pengkreditan amaun pokok dan faedah untuk peletakan eFD Bersama?

Tidak, Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i yang Diperuntukkan untuk peletakan eFD Bersama mesti dikredit ke dalam Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i (yang mana berkenaan) dalam nama yang sama untuk kedua-dua pemegang akaun.

14. Saya memegang satu Akaun eFD (nama tunggal) dan satu Akaun Bersama eFD. Bagaimanakah saya membezakan pilihan akaun untuk peletakan?

Anda boleh rujuk kepada akaun pengkreditan "Crediting Account" semasa peletakan dibuat. Untuk Akaun Bersama eFD, nama kedua-dua pemegang akaun akan dipaparkan.

15. Atas sebab peribadi, saya ingin menukar mandat pengendalian untuk semua akaun deposit saya kepada tandatangan bersama. Adakah mandat pengendalian Akaun Bersama eFD saya bertukar?

Mandat pengendalian untuk Akaun Bersama eFD adalah salah seorang untuk tandatangan sahaja. Untuk mana-mana peletakan eFD yang belum matang, peletakan eFD tersebut akan berterusan dan amaun pokok dan faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i yang diperuntukkan apabila matang.

Ahli PIDM. eDeposit Tetap/eDeposit Tetap Bersama adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (sila rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan oleh PIDM](#)).

Jika anda mempunyai pertanyaan lain mengenai Akaun Bersama eFD, sila rujuk halaman produk [eDeposit Tetap](#) atau emel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.